

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA**

**DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**NO: TTPM-WP-(B)-1205-2020**

**ANTARA**

**TAN CHEE WHO**

**...PIHAK YANG MENUNTUT**

**DAN**

**CTG CAPITAL SDN.BHD**

**...PIHAK PENENTANG**

Tuntutan adalah melibatkan satu perjanjian sewa-beli bertarikh 22.5.2018 antara Pihak Yang Menuntut dan Pihak Penentang untuk pembelian Kereta BPN 91XX.

**Bantahan Awal**

Pada 18.10.2021 Tribunal telah mendengar bantahan awal Pihak Penentang (PP). Pihak Penentang telah hujah bahawa Tribunal Pengguna tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar tuntutan Pihak Yang Menuntut (PYM) kerana:

- (i) PYM telah membeli kereta tersebut untuk disewakan;
- (ii) Tuntutan mengenai "statutory rebate" harus dirujuk kepada Skim Ombudsman Kewangan di bawah Bank Negara kerana

PP adalah satu syarikat kredit yang terlibat dalam “auto financing”; dan

- (iii) PYM tidak menyebut jumlah yang spesifik yang hendak dituntut.

Selepas mendengar hujahan dari kedua-dua pihak dan meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan, Tribunal mendapati:

- (i) Tiada bukti dikemukakan oleh PP untuk menunjukkan bahawa PYM membeli kereta tersebut untuk disewakan:
- (ii) PP tidak berdaftar dengan Skim Ombudsman Kewangan dimana pertikaian diantara PYM dan PP boleh dirujuk; dan
- (iii) Kegagalan oleh PYM meletakkan jumlah spesifik yang dituntut tidak akan menjadikan tuntutan PYM tidak sah. Sudah mencukupi untuk PYM memberi butiran-butiran ringkas mengenai tuntutannya untuk PP mengetahui apakah tuntutan terhadapnya. Disini PYM juga telah memberitahu tuntutan terhadap PP adalah mengenai jumlah “*statutory rebate*” yang PYM layak dapat dan PYM boleh membuktikan jumlah yang dituntut semasa bicara merit didengar.

Oleh itu, Tribunal telah menolak bantahan awal PP dan telah menetapkan tuntutan ini untuk bicarakan.

### **Fakta Kes**

Pada 9.11.2021, PYM dan PP telah bersetuju bahawa isu-isu yang hanya perlu dibicarakan adalah:

- (i) samaada PYM layak untuk mendapat 'statutory rebate' apabila pihak insuran telah membayar kepada PP pada 13.7.2020 untuk kereta BPN 91XX yang berstatus "total loss" selepas kemalangan; dan
- (ii) samaada PP berhak untuk tuntutan balas.

Daripada keterangan-keterangan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan, Tribunal mendapati fakta-fakta berikut:

- (i) Pada 22.5.2018 pihak-pihak telah memasuki satu perjanjian sewa-beli untuk Kereta BPN 91XX.
- (ii) Pada 9.10.2019 kenderaan tersebut terlibat dalam satu kemalangan yang PP sedia maklum.
- (iii) Pada 27.3.2020 Zurich General Insurance Malaysia Berhad (Insuran) telah memutuskan bahawa kenderaan tersebut "*is too serious to warrant an economical repair*" dan telah mengesahkan untuk menyelesaikan tuntutan tersebut menurut *Beyond Economic Repair* berjumlah RM249,600.00. PP sedia maklum tentang perkara ini juga.
- (iv) Pada 12.6.2020, PYM melalui peguamnya telah memohon kepada PP jumlah yang perlu dibayar oleh PYM kerana PYM berhasrat untuk menyelesaikan keseluruhan jumlah ansuran sewa-beli kenderaan tersebut sebelum dan/atau pada 30.6.2020.
- (v) Pada 19.6.2020, PP telah memaklumkan jumlah yang perlu dibayar pada atau sebelum 30.6.2020 adalah RM317,200.00. PYM tidak berpuas hati dengan jumlah

tersebut telah maklumkan kepada PP bahawa PYM berhak kepada rebat statutory menurut s.14(2) Akta Sewa Beli 1967. PP masih mengesahkan bahawa tiada sebarang perubahan dalam perkiraan jumlah penyelesaian awal bagi kenderaan tersebut.

- (vi) PYM sekali lagi melalui peguamnya telah menghantar surat pada PP pada 16.7.2020 untuk mendapatkan tunggakan pinjaman setakat 31.7.2020 dengan mengambilkira hak nya untuk rebat statutori.
- (vii) Walaubagaimanapun, PP melalui suratnya bertarikh 16.7.2020 telah maklumkan bahawa pihak Insuran telah membuat bayaran berjumlah RM249,600.00 pada 13.7.2020 kepada PP, pembayaran tidak dianggap sebagai penyelesaian awal, jumlah perlindungan insuran tidak mencukupi untuk membayar balik jumlah penyelesaian awal setakat 27.7.2020 iaitu RM312,427.05 dan baki tertunggak yang perlu dijelaskan oleh PYM adalah RM62,827.05. Dan ini adalah tuntutan balas PP terhadap PYM.
- (viii) Semasa memberi keterangan lisan, saksi PP menyatakan bahawa rebat adalah budibicara PP dan PYM tidak layak untuk mendapat rebat oleh kerana pembayaran oleh Insuran bukanlah penyelesaian awal seperti diperuntukkan di S14(2) Akta Sewa Beli 1967.

### **Keputusan**

Akta Sewa Beli 1967 diperkenalkan dengan tujuan mengawal selia bentuk dan kandungan perjanjian sewa beli, hak dan tanggungjawab pihak-pihak

kepada perjanjian sedemikian dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

Pihak-pihak adalah terikat dengan peruntukkan-peruntukkan Akta Sewa-Beli 1967 serta terma dan syarat Perjanjian Sewa-Beli bertarikh 22.5.2018.

Di dalam kes ini pihak insuran telah menyelesaikan tuntutan tersebut menurut Beyond Economic Repair berjumlah RM249,600.00 dan telah membayar PP jumlah ini pada 13.7.2020. Pihak insuran akan mengambil “*possession*” kereta tersebut. Ini bermaksud terdapat penyelesaian awal untuk perjanjian sewa beli.

Memandangkan, sebelum PYM menyelesaikan isu rebat statutori dengan PP untuk penyelesaian awal, Pihak Insuran telah membuat bayaran sebanyak RM249,600.00 kepada PP, maka klausa 7.6 Perjanjian Sewa-Beli bertarikh 22.05.2018 terpakai dan harus dipatuhi oleh PP.

Klausa 7.6 memperuntukkan “*Any payment received by the owner from the insurers of the Insurance policy shall first be applied towards the Amount Due, less statutory rebate for term charges (if any). Any surplus thereafter shall be paid to the Hirer. After applying the insurance monies towards the Amount Due, if there is any shortfall, then the same shall forthwith immediately become payable by the Hirer.*”

Ini adalah salah satu terma yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak. Jika PP tidak patuhi Klausa ini, ia adalah satu kemungkiran perjanjian.

S.14(2) Akta Sewa Beli 1967 memperuntukkan cara-cara pengiraan jika penyewa ingin menyelesaikan baki pinjaman melalui penyelesaian awal. Dengan peruntukkan ini PYM berhak untuk mendapat rebat statutori jika PYM berhasrat untuk membuat penyelesaian awal. Tribunal mendapati pengiraan jumlah penyelesaian awal yang dikemukakan oleh PP pada 16.6.2020 adalah salah sebab rebat statutori tidak diambilkira. Tribunal menegaskan bahawa PYM berhak menerima rebat statutori dan keputusan memberi rebat statutori tersebut bukanlah tertakluk kepada budibicara mutlak PP.

Tribunal mendapati perkiraan rebat statutori yang dikemukakan oleh PYM dan PP adalah salah dan tidak mengikut formula yang diperuntukkan di bawah Sek. 2 Akta Sewa Beli 1967.

Akta Sewa Beli 1967 telah tafsirkan rebat statutori:

“Statutory rebate”- (a) in relation to terms charges-

- (i) means the amount derived by multiplying the terms charges by the sum of all the whole numbers from one to the number which is the number of complete months in the period of the agreement still to go (both inclusive) and by dividing the product so obtained by the sum of all the whole numbers from one to the number which is the total number of complete months in the period of the agreement (both inclusive)

Formula ini yang sepatutnya digunakan untuk mengira rebat statutori.

Mengikut formula tersebut, pengiraan statutory rebat adalah seperti berikut

$$\text{Rebat} = \text{Jumlah faedah ke atas amaun pinjaman} \times \frac{(1+2+3+\dots+n)}{(1+2+3+\dots+k)}$$

Ansuran yang telah dibayar – 24 bulan

n: baki tempoh pembayaran balik (dalam bulan) – 60 bulan

k: tempoh pembayaran balik asal (dalam bulan) - 84 bulan

Maka statutori rebat adalah

$$\text{Rebat} = \text{RM}156,800 \times \frac{1830}{3570} = \text{RM}80,376.47$$

Tribunal mendapati jumlah rebat statutori yang PYM layak dapat adalah RM80,376.47.

Mengikut PP baki amaun dibawah Perjanjian Sewa Beli yang perlu dibayar oleh PYM pada 29.6.2020 tanpa mengambil kira rebat statutori adalah RM312,427.05. Oleh kerana PYM layak untuk mendapat rebat statutori, maka jumlah ini perlu ditolak dari baki amaun RM312,427.05 tersebut.

Selepas ambilkira rebat statutori, maka baki pinjaman yang perlu dibayar oleh PYM pada 29.6.2020 adalah RM232,050.58. Perkiraananya adalah seperti berikut:

$$\text{RM } 312,427.05 - \text{RM}80,376.47 = \text{RM}232,050.58$$

Selepas menolak jumlah yang dibayar oleh Insuran pada 13.6.2020, didapati ada jumlah yang terlebih dibayar kepada PP sebanyak **RM17,549.42**. Perkiraanannya adalah seperti berikut:

$RM232,050.58 - RM249,600.00$  (bayaran Insuran) = - RM17,549.42

Selepas Jun 2020, PYM ada membayar dua ansuran. Jumlah yang terlebih dibayar adalah  $RM5,200 \times 2 = RM10,400.00$  (terlebih dibayar)

Oleh itu jumlah yang perlu dibayar balik oleh PP kepada PYM adalah RM27,949.42

=  $RM17,549.42 + RM10,400.00 = \underline{\underline{RM27,949.42}}$

**Award: Borang 10**

Pihak Penentang hendaklah membayar kepada Pihak Yang Menuntut jumlah RM27,949.42 dan kos RM200 dalam tempoh 14 hari dari tarikh award.

Tuntutan Balas Pihak Penentang ditolak.

Bertarikh 26 April 2022

T.T

**CHANDRA DEVI A/P LETCHUMANAN**  
PRESIDEN TRIBUNAL TUNTUTAN  
PENGGUNA MALAYSIA